

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

CIDB MALAYSIA LANCAR PELAN TINDAKAN PEMBINAAN 2026-2030 (CAP30) BAGI MENGGIATKAN TRANSFORMASI INDUSTRI PEMBINAAN

Kuala Lumpur, 24 Februari 2026 – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia hari ini secara rasmi melancarkan **Pelan Tindakan Pembinaan 2026-2030 (CAP30)**, sebuah pelan hala tuju lima tahun yang diterajui bersama pemain industri bagi memperkukuhkan sektor pembinaan Malaysia melalui pendigitalan, kemampanan dan daya saing global.

Majlis pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh **Yang Berhormat Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya**, sekali gus menandakan satu langkah signifikan dalam pelaksanaan NCP2030 secara komprehensif bagi memastikan industri pembinaan kekal berdaya saing, inovatif dan selari dengan aspirasi ekonomi jangka panjang negara.

Pelaksanaan CAP30:

Dengan slogan “**Memperkasa Pembinaan Malaysia melalui Pendigitalan**” atau “***Empowering Malaysia’s Construction through Digitalisation***”, CAP30 dirancang melalui hasil libat urus strategik yang komprehensif bersama kementerian, agensi berkaitan, persatuan industri, pemain utama sektor

pembinaan serta akademik. Pelan ini menjadi panduan tindakan bagi menyokong pelaksanaan Dasar Pembinaan Negara 2030 (NCP 2030).

Yang Berhormat Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya berkata, pelaksanaan CAP30 diterajui oleh pihak industri dan rakan strategik, serta disokong melalui tadbir urus dan secara bersepadu antara pihak kerajaan dan industri dengan bertindak sebagai pemangkin transformasi, pemudah cara inisiatif bagi memastikan hasil yang berimpak dan mampan.

Hala Tuju Strategik Menjelang 2030

CAP30 digerakkan berdasarkan **enam hasil akhir utama (desired end-state)** yang ditetapkan sebagai tunjang kepada kejayaan pelan tindakan ini serta pemangkin kepada pencapaian aspirasi Dasar Pembinaan Negara 2030 (NCP 2030).

Enam hasil akhir tersebut merangkumi **peningkatan kualiti dan keselamatan dalam pelaksanaan projek pembinaan; lonjakan produktiviti industri melalui penambahbaikan proses, penggunaan teknologi dan amalan kerja yang lebih cekap; pengukuhan kemampanan, termasuk amalan pembinaan hijau dan pengurangan impak alam sekitar; peningkatan daya saing global pemain tempatan; pembangunan modal insan yang kompeten dan berkemahiran; serta pengukuhan tadbir urus bagi memastikan pelaksanaan yang telus, berdisiplin dan berakauntabiliti.**

Menurut Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, CAP30 juga merangkumi beberapa inisiatif strategik baharu yang menyokong agenda nasional. Antaranya

termasuk penerokaan sumber tenaga baharu dalam sektor pembinaan, termasuk tenaga nuklear, sebagai sebahagian daripada usaha memperkuat keselamatan tenaga negara dan menyokong peralihan kepada ekonomi rendah karbon.

Di samping itu, CAP30 turut menyokong usaha kerajaan yang menyasarkan menetapkan pengurangan kebergantungan kepada tenaga kerja asing melalui peningkatan automasi, penggunaan teknologi pembinaan moden serta pembangunan kemahiran tempatan.

Pendigitalan pula menjadi antara inisiatif penting CAP30, merangkumi penggunaan teknologi digital dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek pembinaan bagi meningkatkan kecekapan, ketelusan serta daya tahan industri terhadap perubahan global.

Memperkuh Agenda Nasional dan Komitmen Global

Kesemua inisiatif ini selari dengan aspirasi Ekonomi MADANI dan Rancangan Malaysia Ke-13, yang menekankan pertumbuhan ekonomi mampan, pembangunan modal insan dan pengukuhan daya saing negara.

Usaha transformasi ini dibina atas pencapaian pelan-pelan strategik CIDB terdahulu yang kemudiannya menjadi asas kepada pembangunan Dasar Pembinaan Negara 2021-2030 seterusnya pembangunan CAP30 sebagai fasa pelaksanaan yang lebih berfokus, tersusun dan berimpak.

YB Menteri dalam ucapan beliau turut menyeru semua pemain industri untuk memberikan sokongan dan komitmen penuh terhadap inisiatif di bawah CAP30 bagi menjayakan pelan tindakan ini dalam mempercepatkan transformasi industri pembinaan ke arah lebih berdaya saing, mampan dan berorientasikan masa hadapan.

Sementara itu, Yang Berusaha Encik Suhaimi bin Mansor, Pengurus Besar Kanan, Sektor Pendaftaran & Akreditasi, CIDB Malaysia berkata dalam ucapan aluannya: “Pelaksanaan CAP30 memerlukan struktur tadbir urus yang jelas, berdisiplin dan berakauntabiliti tinggi. Kejayaannya tidak boleh bergantung kepada satu pihak semata-mata, sebaliknya memerlukan penglibatan kolektif dan rasa tanggungjawab bersama.”

Beliau berkata, CIDB telah menubuhkan struktur tadbir urus bagi memantau pelaksanaan, menilai kemajuan dan memastikan akauntabiliti secara berterusan. Pemain industri, agensi kerajaan serta rakan strategik diseru untuk mengambil peranan aktif dalam merealisasikan matlamat dan sasaran yang telah digariskan di bawah pelan ini.

[TAMAT]

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
